

Sombong cetus kebencian, permusuhan

Golongan menghidap penyakit hati bersifat penting diri, enggan mengalah

Umat Islam adalah bersaudara maka semestinya setiap individu Muslim memelihara silaturahim antara satu sama lain dengan penuh kasih sayang. Disebabkan itu juga, kita dituntut mengelak daripada membuat perkara boleh mengakibatkan timbulnya kebencian dan permusuhan.

Kebencian dan permusuhan boleh menyebabkan berlakunya pepercaan seterusnya menjadikan kita umat yang lemah. Antara yang boleh menyebabkan kebencian dan permusuhan ialah sifat sombong.

Sikap ini berlawanan dengan sifat mahmudah dalam persaudaraan dan sifat tercela yang dibenci Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau memalingkan muka kerana memandang rendah kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong, takbur lagi membanggakan diri”*. (Surah Luqman, ayat 18)

Sifat sombong sentiasa bersarang di hati manusia. Ia berpunca daripa-

da pengaruh persekitaran, jangkitan akibat selalu bergaul dengan orang yang bersifat demikian dan kerana selalu menerima pujian serta sanjungan yang berlebihan.

Ia ketara dilihat melalui cara bercakap dan memandang orang lain. Kebiasaannya, mereka bersikap sombong suka menunjuk-nunjuk, memuji diri sendiri atau menyebut kelebihan dimilikinya. Mereka juga suka mencaji, menghina dan menyebut keaiban orang lain.

Orang yang berpenyakit sombong juga tidak mahu menerima nasihat dan teguran orang lain. Mereka

“**Orang yang bersyukur sadar kelebihan kurniaan Allah SWT adalah nikmat bersifat sementara saja dan mereka juga tahu Allah SWT menjanjikan azab neraka kepada orang sombong”**

tidak mahu kalah dalam berbicara walaupun sudah nyata dirinya salah. Tanda-tanda sifat sombong ialah merasa megah terhadap dirinya yang mempunyai kelebihan berbanding orang lain. Mereka lupa apa saja yang mereka ada bukanlah milik yang abadi tetapi milik Allah SWT.

Orang yang bersyukur sadar kelebihan kurniaan Allah SWT adalah nikmat bersifat sementara saja dan mereka juga tahu Allah SWT menjanjikan azab neraka kepada orang sombong. Orang yang beriman menerima nasihat dan teguran yang baik dengan hati terbuka.

Sesungguhnya sifat sombong adalah penyakit hati yang boleh membawa kebinasaan dan kerosakan kepada seseorang kerana jika sifat sombong sudah menguasai jiwa, maka tidak mustahil seseorang itu akan menjadi lupa diri sehingga tiada perasaan takut untuk melakukan dosa.

Penghalang masuk syurga

Kita harus ingat, sifat sombong hanya mendatangkan kehinaan pada diri, ia bukan saja dibenci oleh Allah SWT bahkan tidak disukai dan dihormati oleh orang lain. Selain itu, sifat sombong juga akan menjadi penghalang dari masuk syurga.

Rasulullah SAW bersabda: Tidak akan masuk syurga seseorang yang di dalam hatinya mempunyai sifat sombong walau sebesar zarah”.

Memang sukar untuk menyem-

buhkan penyakit sombong kerana ia adalah penyakit hati. Walau bagaimanapun, kita mungkin boleh cuba hindari penyakit ini dengan menanam dan menyuburkan sifat tawaduk serta merendah diri dalam jiwa.

Sifat tawaduk menyedarkan kita hanyalah makhluk Allah SWT yang lemah, serba kekurangan dan sentiasa berhajat kepada-Nya. Apapun, kelebihan yang dimiliki hanyalah pinjaman bersifat sementara.

Ciri-ciri orang sombong

Sifat tawaduk akan memimpin hati menjadi orang yang belas kasihan dan tidak memandang kelebihan diri sebagai kehebatan. Sifat tawaduk juga menjadikan hati kita tulus ikhlas beramal ibadat dan berbuat kebaikan sehingga menyebabkan kita tidak suka menunjuk-nunjuk.

Insan yang tawaduk sentiasa muhasabah diri, mencari kekurangan serta menerima teguran. Sifat rendah diri dapat memelihara daripada perasaan sombong.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dikatakan kepada mereka: Masukilah pintu-pintu jahanam itu, sedang kamu kekal di dalamnya, maka neraka jahanam itulah seburuk-buruk tempat bagi orang yang menyombongkan diri”*. (Surah Az-Zumar, ayat 27)

Kita sering beringat supaya tidak terkena penyakit berjangkit, tetapi jarang sekali berhati-hati daripada terkena penyakit hati yang juga boleh berjangkit seperti penyakit sombong sedangkan penyakit sombong amat berbahaya dan sukar disembuhkan.

Apabila Allah SWT menjanjikan neraka kepada orang yang sombong, ia sedikit sebanyak memberi peringatan kepada penyakit hati yang kronik dan tidak boleh dipandang ringan. Justeru, biarpun tidak dapat dilihat dengan mata, sakit ini dapat dirasakan oleh tuannya.



→
NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia